

Headline	lambakan makanan lalaikan umat Islam		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	08 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	2	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	428 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MY 2,124
Frequency	Daily	PR Value	MY 6,372



Lambakan makanan lalaikan umat Islam

Logo halal mengelirukan perlu pengawasan penguatkuasa: Sapawi

SIPITANG: Lambakan makanan dan kemudahan memperolehinya melalaikan segelintir umat Islam.

Ahli Parlimen Sipitang datuk Sapawi Ahmad, berkata keadaan itu turut mewujudkan sikap tidak kisah di kalangan mereka.

“Penjenamaan logo halal yang mengelirukan turut melalaikan,” katanya pada Seminar Sesedaran Makanan Hab Halal di dewan serbaguna sini kelmarin.

Hadir sama pada majlis itu Timabalan Naib

Censellor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Harun Mohd B. Abdullah, Pegawai Daerah Sipitang, Latip Amat, Timbalan Pengarah (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (Jheains), Mohamad Sidik Awang Adi, Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) UMS, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md Shaarani dan pembentang kertas kerja Pendidikan Kepenggunaan Makanan Halal, Prof. Madya Mariam Abdul Latif.

Sapawi berkata, tindakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyeragamkan penjenamaan logo halal banyak membantu umat Islam.

Katanya, langkah Jakim itu semenangnya tepat ketika umat Islam dihimpit dengan pelbagai perkara yang mengelirukan.

Bagaimanapun, Sapawi berkata, pengawasan masih perlu dilakukan oleh penguatkuasa yang berkaitan.

Katanya, pengawasan yang ketat akan dapat menghalang daripada pengusaha yang bersikap tamak dan cuba memalsukan logo halal.

“Tindakan tegas perlu dikenakan kerana kita tidak mahu umat Islam ditipu dan logo halal dipermain-mainkan,” katanya.

Begitupun, Sapawi menegaskan, bahawa umat Islam sendiri perlu memainkan peranan membantu pihak berkuasa.

Katanya, sikap tidak kisah atau tidak peduli tidak harus diamalkan.

“Ketepikan sikap seumpama itu dan umat Islam harus bersikap prihatin,” katanya dan menambah, keprihatinan umat Islam amatlah diharapkan,” tambahnya.

Dalam pada itu, Sapawi berharap supaya pemimpin setempat tampil membantu menjayakan hab halal serantau dengan adanya kerjasama semua pihak.

“Kita menjadikan Sipitang sebagai pusat hab halal serantau dan saya yakin ini boleh dicapai,” katanya lagi.

Menurut Sapawi Lagi, beliau mahu agensi

Headline	lambakan makanan lalaikan umat Islam		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	08 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	2	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	428 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MY 2,124
Frequency	Daily	PR Value	MY 6,372

seperti UMS dan Jheains memainkan peranan dalam menjenamakan dan pelabelan produk halal.

“Memandangkan Sipitang amat terkenal dengan makanan satay, saya mahu ianya dijenamakan serta dilabelkan melalui kerjasama itu.

“Saya percaya Sipitang akan menjadi ‘role model’ hub halal kerana kedudukannya yang amat strategik memandangkan ia menjadi tempat persinggahan pengunjung dari Brunei dan Sarawak.

“Ianya penting bagi memberikan keyakinan kepada pengunjung bahawa produk makanan yang disediakan adalah benar-benar halal dan bersih dari segi pengendalian,” tegasnya.



SOKONGAN PADU ... sebahagian pemimpin setempat dan orang ramai yang hadir di majlis itu.



DIHARGAI ... Sapawi (tiga, kiri) menyampaikan cendera kenangan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Harun Mohd Abdullah..